

## **MAJLIS SAMBUTAN HARI INTEGRITI NASIONAL DAN KONVENSYEN INTEGRITI NASIONAL 2008**

Majlis Sambutan Hari Integriti Nasional dan Konvensyen Integriti Nasional 2008 telah diadakan pada 7 November 2008 di Hotel Crowne Plaza Kuching, Sarawak. Tema konvensyen kali ini ialah **Integriti Pemangkin Pembangunan Mapan**. Konvensyen ini telah dihadiri oleh seramai 800 peserta yang terdiri daripada Ketua Setiausaha Kementerian, Setiausaha Tetap Kementerian, Ketua Jabatan, Syarikat Swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan Ketua Masyarakat dari seluruh Malaysia. Yang Amat Berhormat Datuk Seri Abdullah bin Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia hadir pada Majlis Penutupan dan Y.Bhg.Tan Sri Dato' Setia Hj. Ambrin bin Buang, Ketua Audit Negara mewakili Ketua Setiausaha Negara pada majlis tersebut.

Pada Konvensyen ini, 21 Resolusi Putrajaya dan Maklum balas Pelanggan mengenai integriti telah dibentangkan. Selaras dengan tema konvensyen kali ini, forum Integriti dan 4 bengkel telah diadakan di mana Y.Bhg. Tan Sri Ketua Audit Negara merupakan Ahli Panel Kumpulan 1 membincangkan "Pengukuhan Perkhidmatan Awam dan Institusi Berintegriti: Langkah Ke Hadapan". Y.Bhg Tan Sri Ketua Audit Negara menekankan mengenai pentingnya kepimpinan melalui teladan khususnya pada peringkat atasan supaya menjadi *role model* dalam sesebuah organisasi. Selain itu, beliau juga menekankan supaya membuat penambahbaikan secara berterusan di dalam sistem dan prosedur kerja serta peraturan sebagai mekanisme untuk meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan.

Tajuk lain yang dibincangkan oleh 3 kumpulan lain ialah "Etika dan Integriti Media-Informasi dan Komunikasi Berkesan", "Etika dan Integriti Korporat, Peniaga dan Tanggungjawab Sosial" dan "Memperkasakan Integriti: Aplikasi Berkesan Membudayakannya.

Hasil daripada bengkel tersebut, 11 resolusi telah dicapai iaitu:

- a. Kepimpinan dalam institusi Kerajaan dan parti politik harus memberi penekanan kepada penerapan nilai murni dan amalan integriti serta mengamalkan kepimpinan melalui teladan;
- b. Penambahbaikan secara berterusan di dalam sistem dan prosedur kerja serta peraturan sebagai mekanisme untuk meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan;

- c. Pembudayaan integriti harus dilaksanakan secara holistik menerusi pendidikan bermula dari peringkat kanak-kanak dan pelajar sekolah, ibu bapa sebagai role model dan pengukuhan nilai dan pengukuhan nilai dan moral komuniti serta pengukuhan amalan melalui agama, institusi politik dan komuniti;
- d. Pembudayaan integriti di kalangan belia harus diberi penekanan dengan memberi peluang untuk mereka terlibat dalam merencana dasar dan hala tuju di samping menerapkan amalan dan penghayatan prinsip-prinsip Rukun Negara;
- e. Pembudayaan integriti mesti dijadikan amalan utama masyarakat perniagaan secara menyeluruh dengan membangunkan program yang boleh mempromosikan integriti dan pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat;
- f. Skop pembudayaan integriti harus diperluaskan meliputi bukan sahaja untuk mengatasi masalah rasuah malah mencakupi aspek pembaziran, pembangunan terancang dan pulangan yang setimpal dengan pelaburan yang dikeluarkan;
- g. Peranan media dalam pembudayaan integriti di dalam masyarakat harus dimantapkan melalui kerjasama yang strategik dengan agensi Kerajaan serta bersikap adil dengan mengutarakan kepelbagaian pandangan daripada pelbagai pihak;
- h. Media perlu dilihat sebagai bebas dari pengaruh luar supaya masyarakat dapat menerima berita yang dilaporkan itu benar, tepat dan boleh diterima di samping menjaga perpaduan dan keharmonian kaum;
- i. Pengamal media perlu meningkatkan tahap profesionalisme melalui pemantapan etika kewartawan selaras dengan kehendak dan tuntutan masyarakat semasa untuk mendapatkan maklumat yang lebih telus;
- j. Integriti negara, rakyat dan masyarakat perlu dipertahankan demi mewujudkan sebuah Negara yang bersatu padu serta berdaya saing untuk menghadapi cabaran dalam era globalisasi dan;
- k. Agenda integriti nasional melalui pelaksanaan Pelan Integriti Nasional perlu dilaksanakan secara holistik oleh pelbagai sektor masyarakat,